

**Bukit Mertajam:** Had guna kad pintar untuk membeli makanan di kantin dan peralatan persekolahan di kedai buku sekolah ialah antara inisiatif menarik yang memberi keterujaan kepada sebahagian murid yang menerima.

Selain membantu golongan murid berpendapatan rendah, usaha sebuah badan bukan kerajaan (NGO) dikenali MyKasih turut memupuk semangat cintakan alam sekitar apabila memberi bantuan kewangan tanpa tunai melalui program kitar semula.

Timbalan Pengurus MyKasih, Jeffrey Perera berkata, kad pintar yang diperkenalkan pihaknya sebelum ini menfokuskan pemberian bantuan kewangan tanpa tunai bagi membeli makanan saja.

# Kad pintar bantu murid kurang mampu



MURID SK Mengkuang menunjukkan kad pintar yang boleh digunakan membeli makanan dan barang keperluan sekolah.

“Sebelum ini, murid yang memperoleh kad pintar ini hanya mendapat bantuan kewangan tanpa tunai RM80 sebulan bagi membeli makanan dan minuman, namun selepas program kitar semula diperkenalkan kita tambah lagi RM60 sebulan menjadikannya RM140 sebulan untuk dinikmati mereka yang layak.

“Ia satu usaha untuk kita terus mencari jalan bagi membantu murid kurang berkemampuan demi meningkatkan tahap pendidikan mereka di samping memupuk perasaan sayang-alam sekitar,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas pelancaran program itu di Sekolah Kebangsaan (SK) Mengkuang, di sini, kelmarin. Majlis perasmian disempurnakan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar.

Jeffrey berkata, bagi menambahkan lagi bantuan tanpa tunai itu, murid digalakkan membawa barang yang boleh dikitar semula ke sekolah untuk ditimbang dan hasilnya dikreditkan ke dalam kad pintar menjadikan mereka boleh menikmati ganjaran lebih lumayan.

**FAKTA**  
Pelajar terpilih  
daripada keluarga  
berpendapatan  
di bawah RM1,500

Program yang julung kali ini diadakan di Pulau Pinang itu memanfaatkan 300 murid di dua sekolah dalam Parlimen Permatang Pauh.

Katanya, pelajar yang terpilih di bawah program MyKasih adalah mereka yang berasal daripada keluarga berpendapatan di bawah RM1,500 sebulan.

“Cara penggunaan kad pintar ini juga mudah apabila mereka hanya perlu lerek saja di mesin yang disediakan di kantin untuk membeli makanan serta minuman dan bagi membeli peralatan persekolahan pula boleh berbuat demikian di kedai buku sekolah,” katanya.

Menurutnya, program kitar semula yang dilaksanakan sejak 2016 itu sudah memberi bantuan kepada 4,000 murid membabitkan 90 sekolah di seluruh negara.